

Kekalkan Pertumbuhan Pencapaian Terbesar Malaysia Tahun Ini - PM
Mstar Online
03 December, 2012
Oleh ZUHRIN AZAM AHMAD

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Tun Razak memberikan penghormatan kepada semua penjawat awam di atas sokongan mereka, yang membolehkan beliau untuk meneraju Malaysia keluar daripada kegawatan kewangan global.

Perdana Menteri berkata, keupayaan Malaysia untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi semasa tempoh yang mencabar ini adalah pencapaian terbesar negara tahun ini.

"Ia merupakan satu pencapaian cemerlang, apabila negara-negara lain telah tunduk kepada tekanan kewangan.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada anda semua yang telah membantu Kerajaan untuk mencapai matlamat ini.

"Kekaguman ini bukan untuk saya seorang untuk berhak mendapatnya dan bergembira. Ia adalah usaha bersama kita semua dan sekali lagi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anda semua," katanya pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, Isnin.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/12/3/mstar_berita/20121203094859&sec=mstar_berita